

12 JUL 1999

MCA-pencalonan

TUMPUAN PADA NAIB PRESIDEN DALAM PEMILIHAN MCA

KUALA LUMPUR, 12 Julai (Bernama) -- Pencalonan bagi pemilihan MCA Sabtu ini ditutup hari ini dengan kedua-dua pemimpin tertingginya menang tanpa ditandingi sekaligus mengalihkan tumpuan kepada perebutan bagi empat kerusi naib presiden.

Presiden parti Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan timbalannya Datuk Lim Ah Lek mengekalkan jawatan masing-masing untuk tempoh tiga tahun lagi tetapi pertandingan bagi jawatan naib presiden melibatkan lima calon.

Bagi Ling, yang juga Menteri Pengangkutan, ini merupakan penggal kelima beliau menerajui parti itu sejak 1986.

Lim, yang merupakan Menteri Sumber Manusia, mengambil alih jawatan itu daripada Datuk Lee Kim Sai tanpa dicabar tiga tahun lepas.

Penyandang jawatan naib presiden terdiri daripada Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng, Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Ong Ka Ting, Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Fong Chan Onn dan Anggota Parlimen Serdang Datuk Yap Pian Hon akan mempertahankan jawatan itu dengan disertai juga oleh Ketua Pemuda sekarang Datuk Chan Kong Choy.

Pada awalnya terdapat 27 pencalonan bagi 25 kerusi Jawatankuasa Pusat tetapi dua calon menarik diri hari ini.

Sebanyak 2,411 anggota perwakilan termasuk 296 wanita, akan menghadiri mesyuarat agung tahunan itu yang akan dirasmikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dengan pengunduran Chan, kerusi Ketua Pemuda akan menjadi rebutan antara Timbalan Menteri Belia dan Sukan Datuk Loke Yuen Yow dan setiausaha agung Pemuda Datuk Ong Tee Kiat yang juga Timbalan Speaker Dewan Rakyat.

Bagaimanapun, empat jawatan naib Ketua Pemuda dimenangi tanpa ditandingi oleh Chua Kim Chuan, Loh Seng Kok, Tan Chin Ming dan Liew Yuen Keong.

Hoo Seong Chang pula menang jawatan timbalan Ketua Pemuda manakala Yew Teong Look tidak dicabar sebagai setiausaha agung.

Terdapat 24 calon yang bertanding 20 kerusi jawatankuasa Pemuda.

Ketua Wanita Datuk Teng Gaik Kwan tidak mempertahankan jawatan itu, dan ini membuka jalan kepada pertarungan satu lawan satu antara timbalan sekarang Tan Yee Kew dan setiausaha agung Datuk Ng Yen Yen.

Dalam satu perjanjian unik, Tan dan Ng masing-masing juga dicalonkan bagi jawatan timbalan ketua, dan berdasarkan satu formula, calon yang tewas, secara automatik akan menjadi timbalan pengerusi.

Selepas pencalonan ditutup, Ling mengucapkan terima kasih kepada pemimpin dan anggota parti kerana mengekalkan beliau dan Lim untuk satu penggal lagi.

Mengenai perebutan bagi pelbagai jawatan lain, beliau berkata ia merupakan satu pertandingan keluarga.

"Saya amat gembira kerana tidak berlaku politik wang, calon tidak melakukan perkara tidak diingini dan tidak ada surat layang," katanya.

Keputusan bagi jawatan dalam pergerakan Pemuda dan Wanita akan diketahui pada 16 Julai dan bagi jawatankuasa pusat pada 17 Julai.

--BERNAMA

AR APG MAI